

Cuepacs puas hati kenaikan adil

Pengumuman gaji baru patut suntik semangat pekerja awam tingkat prestasi tugas

BH - 22/5/2007

Oleh Wan Hazmir Bakar
dan Shamshul Azree Samshir

PUTRAJAYA: Cuepacs berpuas hati dengan kenaikan gaji kakitangan awam yang diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi kerana ia memenuhi sasaran dan harapan kesatuan itu.

Presidennya, Omar Osman, berkata kenaikan gaji itu adalah yang terbaik dalam sejarah perkhidmatan awam dan Cuepacs gembira kerajaan memberi pertimbangan adil, termasuk menaikkan kadar elaun bantuan sara hidup (Cola) sebanyak 100 peratus.

"Kita puas hati, paling gembira dan menerima apa yang diumumkan Perdana Menteri kerana sasaran kami tercapai.

"Ini memang pengumuman bersejarah bagi kita dan yang terbaik. Dulu kita minta, kadang-kadang jauh lari daripada yang kita harapkan," katanya kepada pemberita selepas Perdana Menteri mengumumkan kenaikan gaji sektor awam pada majlis Perhimpunan Hari Pekerja Sektor Awam 2007 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) di sini, semalam.

Pada 11 Januari lalu, Cuepacs mengemukakan memorandum kepada Abdullah memohon tuntutan kenaikan gaji secara menyeluruh untuk kakitangan awam dengan alasan ia perlu disesuaikan dengan kos sara hidup semasa.

Dalam memorandum itu, Cuepacs memohon kenaikan gaji 30 peratus



BERITA BAIK: Kakitangan awam, dari kanan, Zaiton Abd Rahman, Roslinda Rosdi, Siti Murni Hashim dan Norhayati Sameon melihat kenaikan gaji kumpulan sokongan satu diumumkan Perdana Menteri, di Putrajaya, semalam.

bagi kakitangan awam Gred 17 hingga 40, 20 peratus (Gred 41 hingga 54) dan lima hingga 10 peratus (Jusa). Kali terakhir semakan gaji kakitangan awam ialah pada 1992.

Sehubungan itu, Omar berkata, kakitangan awam perlu membuat perubahan drastik dalam melaksanakan tugas mereka mulai hari ini sejajar

keputusan kerajaan menaikkan gaji perkhidmatan awam.

Katanya, kakitangan kerajaan dari kumpulan paling rendah juga perlu berubah sikap, termasuk dalam aspek penampilan kerana tahap gaji yang diperoleh sekarang adalah setimpal.

"Kerja lebih baik dan lebih cemerlang dan ceria selalu. Jika duduk di

kaunter senyum dan jawab telefon dengan budi bahasa baik. Personaliti diri hendaklah kemas dan bergaya bagi menunjukkan kakitangan sektor awam menghasilkan kualiti kerja kelas pertama dan baik," katanya.

Mengenai kenaikan tambahan bagi anggota polis dan tentera, Omar berkata, ia dapat menarik

golongan muda menyertai pasukan keselamatan itu.

"Ikut gaji baru ini prebet pun boleh dapat RM1,500, apabila bersara dapat RM700. Sekarang ini terlalu rendah hanya RM200 dan RM300 untuk pesara prebet. Kita sedih tengok kerana dulu mereka berkhidmat siang dan malam," katanya.

FAKTA NOMBOR

Jumlah kakitangan awam termasuk polis dan tentera

1,603

Jusa

246,202

Kumpulan pengurusan profesional

434,899

Kumpulan sokongan satu

319,336

Kumpulan sokongan dua